

02 JUN 1997

Malaysia-Thailand

CHAVALIT MENGETUAI DELEGASI THAI KE MESYUARAT SEMPADAN

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Jen Chavalit Yongchaiyudh akan mengetahui delegasi 30-anggota ke mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Thailand ke 39 yang akan bermula di sini, pada Khamis.

Pegawai-pegawai Kanan dari kedua-dua negara akan bertemu esok dan Rabu untuk menyediakan rangka kerja bagi mesyuarat tiga hari itu yang dijangka membincangkan isu-isu bersama sempadan dan mengkaji semula langkah-langkah keselamatan yang sedia ada.

Chavalit yang juga Menteri Pertahanan pernah menghadiri mesyuarat jawatankuasa itu sebelum ini iaitu semasa beliau menjadi Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Thai.

Beliau akan diiringi oleh Timbalan Ketua Staf Tentera Darat Lt. Jen Chokechai Hongthong dan Ketua Pengarah Jabatan Polis Jen Pracha Promnok.

Malaysia akan diwakili oleh Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar yang akan mengetuai delegasi 25-anggota termasuk Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Ismail Omar, Ketua Staf Jen Datuk Nawi Alias dan Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Norian Mai.

Syed Hamid dan Chavalit akan mempengerusikan bersama mesyuarat tiga hari itu. Mesyuarat sebelum ini diadakan pada 1994.

Para pegawai berkata, mesyuarat itu dijangka menumpukan kepada pergerakan merentasi sempadan dan pencegahan kegiatan penyeludupan di sepanjang sempadan kedua-dua negara yang sejauh 647km.

Agensi Berita Thai (TNA) memetik laporan akhbar Bangkok Post yang Chavalit dijangka mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan Malaysia untuk membincangkan masalah keselamatan yang berpunca kerana terdapat penduduk dengan dua kerakyatan.

Akhbar itu juga memetik sumber tentera yang menyatakan Ketua Tentera Darat Thai Jen Chettha Thanajaro telah mengarahkan timbalan beliau Lt Gen Chokechai Hongthong, untuk meminta sokongan Malaysia dalam usaha tentera Thai memerangi pemberontakan di wilayah-wilayah selatan Thailand.

Pihak berkuasa mendapati sukar untuk memburu pemberontak-pemberontak itu kerana dwi kerakyatan mereka yang membantu mereka melarikan diri ke Malaysia selepas menimbulkan kekacauan di Thailand.

Tetapi sumber itu bimbang isu dwi kerakyatan itu mungkin terlalu sensitif untuk di bawa ke mesyuarat itu. Jadi besar kemungkinan perbincangan tidak rasmi mungkin diadakan untuk menangani masalah itu.

Chavalit telah membincangkan isu sempadan itu bersama rakan sejawatannya di Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan beliau ke sini pada penghujung Februari lepas.

Kedua-dua pemimpin itu bersetuju, antara lain untuk membangunkan bersama kawasan sempadan yang sukar disempadankan.

Jawatankuasa itu ditubuhkan pada 1970 untuk menangani ancaman komunis di sepanjang sempadan bersama.

Malaysia dan Thailand juga menjalankan latihan bersama tentera laut, udara dan darat setiap tahun di bawah naungan jawatankuasa itu. -- BERNAMA

RV PR